



# **BOLA JARING**

## **PERATURAN PERMAINAN**

### **SUKAN BEKALAN AIR SE-MALAYSIA**



## **PERATURAN PERMAINAN BOLA JARING SUKAN BEKALAN AIR SE-MALAYSIA**

### **Perkara 1: Nama**

Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Bola Jaring Sukan Bekalan Air Se-Malaysia.

### **Perkara 2: Undang-Undang/Peraturan**

Semua pertandingan hendaklah mengikut Undang-undang Pertandingan Persekutuan Bola Jaring Antarabangsa (INF) Persatuan Bola Jaring Malaysia (PBJM) dan Peraturan Am Sukan Bekalan Air Se-Malaysia.

### **Perkara 3: Penyertaan**

Kelayakan penyertaan hendaklah mematuhi Perkara 5 dalam Peraturan Am Sukan Bekalan Air Se-Malaysia.

### **Perkara 4: Kategori Permainan**

Kategori Berpasukan (7 sebelah)

### **Perkara 5: Pendaftaran dan Kelayakan Pemain**

1. Setiap pasukan yang mengambil bahagian dalam pertandingan ini mestilah mengisi borang penyertaan yang disediakan oleh Jawatankuasa Teknikal Pertandingan. Setiap pasukan boleh mendaftar 1 pasukan seperti berikut.

Bil.	Perkara	Jumlah
1.	Pengurus Pasukan	1 Orang
2.	Jurulatih Pasukan	1 Orang
4.	Pemain Wanita	7 Orang
5.	Simpanan	4 Orang
<b>Jumlah</b>		<b>13 Orang</b>

2. Setiap pasukan diwajibkan mendaftar sekurang-kurang 2 orang pemain veteran berumur 40 tahun ke atas (lihat peraturan Am Perkara 5) dan mesti bermain sepenuh masa.
3. Pertukaran pemain secara 'Rolling Substitute'.

### **Perkara 6: Pakaian Pertandingan**

1. Perkara 9 dalam Peraturan Am Sukan Persatuan Bekalan Air Se-Malaysia digunakan.
2. Setiap pasukan hendaklah menyediakan 2 set bibs berlainan warna.
3. Huruf-huruf (ketinggian adalah 6 inci) dibawah hendaklah disematkan di bahagian hadapan dan belakang baju pemain.

<b>Kod</b>	<b>Posisi</b>	<b>Position</b>
GS	Penjaring Gol	Goal Shooter
GA	Penyerang Gol	Goal Attack
WA	Penyerang Sayap	Wing Attack
C	Pemain Tengah	Centre
WD	Penangkis Sayap	Wing Defend
GD	Penahan Gol	Goal Defend
GK	Penjaga Gol	Goal Keeper

4. Setiap pemain hanya dibenarkan memakai 'track bottom' atau 'skirt' bersama 'tights'. Skirt/seluar pendek atau 'tight' sahaja tidak dibenarkan.

### **Perkara 7: Sistem Pertandingan**

Sila rujuk Perkara 8 Peraturan Am Sukan Bekalan Air Se-Malaysia.

### **Perkara 8: Pasukan/Pertukaran Pemain**

1. Tiap-tiap pasukan mesti mempunyai sekurang-kurangnya minimum 5 orang pemain sebelum satu-satu perlawanan dimulakan. Jika kurang daripada jumlah ini pasukan tersebut dikira menerima kekalahan..
2. Kecederaan dan Kesakitan: Apabila seorang pemain mendapat cedera atau sakit semasa bermain, pemain dalam pasukan boleh meminta pemberhentian masa daripada pengadil perlawanan. Hanya Pegawai Penjagaan Utama

'Primary Care Personnel' sahaja dibenarkan masuk ke dalam gelanggang untuk merawat pemain yang cedera tersebut. Sekiranya pasukan tidak mempunyai Pegawai Penjagaan Utama, pasukan perubatan yang bertugas di venue secara automatik bertindak sebagai Pegawai Penjagaan Utama tersebut.

3. Masa pemberhentian kecederaan yang dibenarkan adalah seperti berikut:
  - a) Masa kecederaan hanyalah 30 saat dan pemain yang cedera hendaklah keluar. Pemain yang keluar itu boleh bermain kembali selepas 1 gol.
  - b) Pemain Simpanan: Pemain yang sakit atau cedera boleh diganti dan boleh bermain semula selepas diganti di dalam permainan yang sama.
4. Pemain yang lewat sampai tidak boleh memasuki permainan yang sedang dijalankan, melainkan setelah memberitahu pengadil dan ketua pasukan lawan. Pemain akan dibenarkan masuk bermain seperti berikut:
  - a) Selepas gol dijaringkan. Dalam hal ini pemain mestilah mengambil kedudukan yang dikosongkan oleh pasukannya.
  - b) Selepas permainan diberhentikan kerana kecederaan atau kesakitan.
  - c) Selepas rehat separuh masa.

#### **Perkara 9: Cara Memutuskan Keputusan Kumpulan**

1. Secara Liga
  - a) Cara memberi mata
    - i. Menang: 3 mata
    - ii. Seri: 1 mata
    - iii. Kalah: 0 mata
  - b) Jika 2 atau lebih pasukan mendapat jumlah mata yang sama, maka pemenang akan ditentukan seperti berikut:

- i. Pasukan yang memenangi lebih perbezaan jaringan akan dikira Menang (jumlah jaringan ditolak dengan jaringan yang kena).
  - ii. Jika masih seri, jaringan pasukan terbanyak akan dikira sebagai pemenang.
  - iii. Jika masih seri, pasukan yang bolos paling sedikit akan dikira sebagai pemenang.
  - iv. Jika masih seri, pasukan yang mengalahkan lawannya di peringkat kumpulan akan dikira sebagai pemenang.
2. Secara Kalah Mati
- Jika keputusan berakhir dengan seri pada peringkat suku akhir, separuh akhir dan akhir, maka keputusan pertandingan akan ditentukan seperti berikut:
- a) Masa rehat akan diberikan selama 3 minit selepas tamat permainan Pengantian dan/atau pertukaran posisi dibenarkan.
  - b) Masa tambahan selama 5 minit setiap separuh masa akan diberikan. Kedua-dua pasukan akan bertukar kawasan gol diakhir separuh masa tanpa rehat. Pengantian dan/atau pertukaran posisi tidak dibenarkan. Hantaran tengah seterusnya akan diambil oleh pasukan yang berhak mengambilnya.
  - c) Jika berlaku seri setelah tempoh masa tambahan permainan tamat, satu isyarat daripada pengadil yang boleh dilihat hendaklah digunakan untuk menunjukkan permainan diteruskan sehingga satu pasukan mendapat kelebihan 1 jaringan untuk menentukan pemenang.

**Perkara 10: Masa Permaianan**

15 Minit (Masa Pertama) + 3 Minit (Rehat) + 15 Minit (Masa Ke-2)

**Perkara 11: Perlawanan yang Ditunda atau Diberhentikan**

Sekiranya pengadil berpendapat bahawa keadaan tidak sesuai untuk permainan disebabkan oleh cuaca atau kerana hal-hal yang tidak dijangkakan, perlawanan tidak dapat dimainkan atau sekiranya sesuatu perlawanan dihentikan akibat hal-hal luar kawalan kedua-dua pasukan, maka perlawanan yang ditunda atau

dihentikan hendaklah dilangsungkan pada tarikh, tempat dan masa yang akan ditentukan oleh Jawatankuasa Teknikal Pertandingan.

**Perkara 12: Menarik Diri, Memberi Kemenangan Percuma dan Gagal Hadir**

1. Perkara 11 dalam Peraturan Am Sukan Bekalan Air Se-Malaysia digunakan.
2. Pasukan yang mendapat kemenangan percuma akan diberi 3 mata dengan keputusan pertandingan 15-0.

**Perkara 13: Bantahan**

Semua bantahan yang dikemukakan oleh mana-mana pasukan hendaklah mematuhi Perkara 16 dalam Peraturan Am Sukan Bekalan Air Se-Malaysia.

**Perkara 14: Keadaan Luar Jangka**

Perkara 19 dalam Peraturan Am Sukan Bekalan Air Se-Malaysia digunakan.